



**KEMENTERIAN SUMBER ASLI
DAN KELESTARIAN ALAM**

TEKS UCAPAN

NIK NAZMI NIK AHMAD

MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM

SEMPENA

SAMBUTAN HARI TAPIR SEDUNIA 2025

PUSAT KONSERVASI HIDUPAN LIAR SUNGAI DUSUN, SELANGOR

26 APRIL 2025 (SABTU)

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam Malaysia Madani

1. **Yang Berusaha Puan Norsham binti Abdul Latip**
Timbalan Ketua Setiausaha (Sumber Asli)
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam
2. **Yang Berbahagia Dato' Abdul Kadir bin Abu Hashim**
Ketua Pengarah
Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara
(PERHILITAN) Semenanjung Malaysia
3. **Encik Mohd Sha'walludin bin Aziz**
Timbalan Pengarah
Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor
4. Dif-dif Kehormat
5. Tuan-Tuan / Puan-Puan yang saya hormati sekalian,

PENGENALAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya kita dapat bersama-sama meraikan **Sambutan Hari Tapir Sedunia 2025** anjuran Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam pada hari ini.
2. Hari Tapir Sedunia disambut pada 27 April setiap tahun sejak 2008 bagi meningkatkan kesedaran masyarakat mengenai kepentingan pemuliharaan spesies tapir dan untuk meraikan usaha-usaha konservasi yang telah dan sedang dilaksanakan terhadap spesies hidupan liar ini.

3. Malaysia bertuah kerana mempunyai spesies Tapir Malaya yang merupakan spesies tapir yang terbesar di dunia. Tapir Malaya berbeza dengan spesies tapir lain kerana ia merupakan satu-satunya spesies tapir yang mempunyai dua warna yang jelas iaitu hitam dan putih apabila meningkat dewasa.
4. Apabila kita berbicara tentang spesies hidupan liar terancam di Malaysia, fikiran kita selalunya akan tertumpu kepada Harimau Malaya, Seladang dan Orangutan. Namun begitu, kita juga perlu sedar bahawa banyak lagi spesies hidupan liar yang turut terancam termasuk Tapir Malaya.

Hadirin sekalian,

TAPIR MALAYA SPESIES IKONIK

5. Tapir Malaya, atau nama saintifiknya *Tapirus indicus*, ialah spesies tapir terbesar di dunia dan memainkan peranan penting sebagai penyebar biji benih dalam ekosistem hutan tropika. Tapir Malaya adalah salah satu spesies ikonik Malaysia yang dilindungi sepenuhnya di bawah Akta Pemuliharaan Hidupan Liar 2010 [Akta 716]. Tapir Malaya turut disenaraikan sebagai spesies terancam dalam Senarai Merah Spesies Terancam IUCN dan Senarai Merah Mamalia untuk Semenanjung Malaysia 2017.

6. Kini, populasi Tapir Malaya kian terancam antaranya akibat kehilangan dan fragmentasi habitat hidupan liar disebabkan pembinaan lebuh raya dan jalan raya yang melintasi kawasan berhutan. Berdasarkan rekod Jabatan PERHILITAN, sebanyak 112 ekor Tapir Malaya telah terbunuh akibat kemalangan jalan raya di jalan persekutuan, jalan negeri dan lebuh raya dari tahun 2020 hingga 2024.

Hadirin sekalian,

KOMITMEN PADU SEMUA PIHAK

7. Usaha untuk melindungi spesies tapir memerlukan pendekatan bersepadu dan komitmen padu pelbagai pihak termasuk kerajaan negeri, badan korporat, pihak swasta dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO). Dalam hubungan ini, Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam (NRES) ingin merakamkan penghargaan kepada Kerajaan Negeri Selangor kerana telah mengambil pendekatan proaktif dengan memperuntukkan sebanyak RM1.6 juta daripada peruntukan di bawah insentif Kewangan bagi Konservasi Biodiversiti dan Hutan (Ecological Fiscal Transfer for Biodiversity Conservation - EFT) kepada Jabatan PERHILITAN Negeri Selangor bagi tujuan konservasi tapir di Pusat Konservasi Hidupan Liar (PKHL) Sungai Dusun.

8. NRES turut merakamkan penghargaan kepada badan korporat, pihak swasta dan NGO yang telah memberikan sumbangan di bawah Tanggungjawab Sosial Korporat (Corporate Social Responsibility – CSR) bagi konservasi tapir. Di kesempatan ini, saya ingin menyeru lebih banyak lagi badan korporat, pihak swasta dan NGO untuk menyokong usaha konservasi tapir dengan memberikan sumbangan kepada PKHL Sungai Dusun.
9. Komitmen ini menunjukkan sinergi rentas sektor dalam menyokong kemampanan, kesejahteraan dan ihsan yang menjadi tonggak dasar Malaysia MADANI. Ia juga menunjukkan kepimpinan negara dalam menerajui aspek keterangkuman dan kelestarian selari dengan tema Kepengerusian ASEAN 2025.

Hadirin sekalian,

KUKUH KONSERVASI TAPIR MALAYA

10. NRES melalui Jabatan PERHILITAN akan terus mempergiatkan usaha untuk mengukuhkan konservasi in-situ dan ex-situ Tapir Malaya. Bagi menangani isu roadkill, Jabatan PERHILITAN telah memasang jalur rentas kuning (yellow transverse bars), solar amber light dan papan tanda hidupan liar melintas di beberapa buah lokasi yang dikenal pasti. Ini termasuk papan tanda LED lintasan hidupan liar yang telah dipasang di Jalan Raya K13, Empangan Pedu-Gubir, Sik, Kedah dan Jalan Raya Timur-Barat berhampiran perkampungan Orang Asli Air Banun, Gerik, Perak.

11. Selain itu, perlindungan habitat dan koridor ekologi akan terus diperkukuh dengan pembinaan jejambat di Koridor Ekologi Sungai Deka, Terengganu; Koridor Ekologi Sungai Yu, Pahang; dan Koridor Ekologi Gerik, Perak. Program-program yang melibatkan komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam seperti majlis pada hari ini akan terus dipertingkatkan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai kepentingan melindungi Tapir Malaya.
12. Bersempena dengan Hari Tapir Sedunia 2025, saya menyeru semua pihak memperbaharui tekad untuk mengukuhkan konservasi Tapir Malaya. Saya percaya kita dapat melindungi khazanah negara kita yang tidak ternilai ini untuk diwariskan kepada generasi masa depan. Jika kita tidak bertindak sekarang, kita mungkin akan kehilangan spesies ini buat selama-lamanya satu hari nanti.
13. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Sambutan Hari Tapir Sedunia 2025**.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.